



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekolah Pendidikan Profesional dan
Pendidikan Berterusan
(UTMSPACE)

**FINAL EXAMINATION / PEPERIKSAAN AKHIR
SEMESTER 2 – SESSION 2013 / 2014
PROGRAM KERJASAMA**

COURSE CODE : DDSA 0053
KOD KURSUS

COURSE NAME : PRINSIP PERAKAUNAN
NAMA KURSUS

YEAR / PROGRAMME : PENGUKUHAN
TAHUN / PROGRAM

DURATION : 2 JAM 30 MINIT
TEMPOH

DATE : APRIL 2014
TARIKH

INSTRUCTION : Answer all questions in the answer booklet provided.
ARAHAN : [Jawab semua soalan di dalam buku jawapan yang disediakan]

(You are required to write your name and your college's name on your answer script)
(Pelajar dikehendaki tuliskan nama dan nama kolej pada skrip jawapan)

NAME / NAMA PELAJAR	:
I.C NO. / NO. K/PENGENALAN	:
YEAR / COURSE TAHUN / KURSUS	:
LECTURER'S NAME NAMA PENSYARAH	:
COLLEGE'S NAME NAMA KOLEJ	:

This examination paper consists of ...7.... pages including the cover
Kertas soalan ini mengandungi ...7... muka surat termasuk kulit hadapan

jawab semua soalan

(100 MARKAH)

Soalan 1 (25 markah)

Perniagaan Mesra Pelanggan telah menerima Penyata Bank untuk bulan September 2013 yang menunjukkan baki yang berbeza dengan baki Buku Tunai. Berikut ialah Buku Tunai dan Penyata Bank bagi bulan tersebut.

Buku Tunai (Lajur bank sahaja)

Tarikh	Butir	RM	Tarikh	Butir	No cek	RM
Sept 5	Kedai Mesra	3,388	Sept 1	Baki b/b		2,258
8	Latif Ent	4,599	4	Belian	11882	3,010
16	Jualan	15,700	6	Angell	11883	10,890
25	Dividen	1,560	11	Sewa	11884	525
26	ADG Bhd	2,008	16	Belian	11885	11,030
26	Jualan	2,480	24	Belanja elektrik	11886	773
28	Fairuz	321	27	Perniagaan Ariff	11887	930
29	Komisen	144	30	Baki h/b		784
		30,200				30,200

Penyata Bank

Tarikh	Butir	No cek	Debit (RM)	Kredit (RM)	Baki (RM)
Sept 1	Baki b/b				1,486 dt
6	Cek	11882	3,010		4,496 dt
7	Cek			3,388	1,108 dt
8	Cek			4,599	3,491
9	Cek	11881	772		2,719
13	Cek	11883	10,890		8,171 dt
16	Buku cek		30		8,201 dt
17	Cek			15,700	7,499
18	Caj bank		20		7,479
20	Cek	11887	930		6,549
22	Cek	11885	11,030		4,481 dt
26	Deposit			2,480	2,001 dt
27	Faedah simpanan tetap			105	1,896 dt
30	Deposit			144	1,752 dt

Dikehendaki:

Sediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 30 September 2013 dengan mengemaskini buku tunai.

Soalan 2 (25 markah)

Pada 1 Ogos 2013, Shimie memulakan perniagaan dengan modal RM30,000. Beliau memasukkan wang tunai RM28,500 ke dalam bank dan bakinya disimpan untuk urus niaga harian. Sepanjang bulan Ogos 2013, urus niaga yang berikut telah berlaku.

- Ogos 1 Beli sebuah komputer bernilai RM4,760 daripada Syarikat Asia Com untuk kegunaan perniagaan.
- 2 Beli barang berharga RM2,750 secara kredit daripada Pemborong Tan.
- 3 Beli mesin daftar tunai dengan cek RM1,320 untuk perniagaannya.
- 7 Sebuah kipas lama bernilai RM65 dibawa masuk oleh peniaga untuk kegunaan syarikat.
- 8 Terima invoice daripada Syarikat Ket Foo untuk barang berharga RM2,460 pada harga senarai dan menerima diskaun niaga 5%.
- 9 Membayar Syarikat Asia Com dengan cek dan menerima diskaun 5%.
- 12 Mengambil barang bernilai RM280 untuk kegunaan sendiri.
- 15 Jual barang berharga RM875 kepada Azmin dan RM468 kepada Jovan secara kredit.
- 18 Hantar nota kredit bernilai RM68 kepada Jovan.
- 26 Terima nota kredit daripada:

Pemborong Tan	RM150
Syarikat Ket Foo	300
- 27 Menghantar invoice kepada Hadie untuk barang yang dibekalkan pada harga senarai RM1,460 dan memberi diskaun niaga sebanyak 10%.
- 28 Azmin menjelaskan hutangnya dengan membayar cek RM850.
- 29 Membayar sewa kedai RM520 secara tunai.
- 31 Membeli alat tulis sebanyak RM80 secara kredit daripada Kedai Saujana.

Dikehendaki:

Merekodkan semua urus niaga di atas ke dalam Buku Catatan Pertama termasuk Buku Tunai bagi bulan Ogos 2013.

Solalan 3 (25 markah)

En. Azlan ingin memulakan perniagaan butik dengan modal tunai sebanyak RM 50 000. Berikut adalah anggaran penerimaan dan perbelanjaan sepanjang bulan April hingga Jun 2013.

- i. Membeli rak pakaian sebanyak RM 3 000 pada bulan April
- ii. En. Azlan menganggarkan jumlah jualan bagi bulan April sebanyak RM 15 000. Bagi bulan berikutnya, beliau menganggarkan nilai jualan akan meningkatkan 10% dan 15% berbanding jualan pada bulan April.
- iii. Bagi belian pula, En. Azlan menganggarkan seperti berikut :

April	RM 8 000
Mei	RM 10 000
Jun	RM 11 000
- iv. En. Azlan mengambil 2 orang pekerja dengan gaji RM 300 seorang.
- v. Kadar bayaran dianggarkan sebanyak RM 100 setiap bulan dan sewa dianggarkan sebanyak RM 700 setiap bulan.

Dikehendaki :

- a) Menyediakan Belanjawan Tunai bagi 3 bulan berakhir 30 Jun 2013.
- b) Terangkan dua kelebihan menyediakan belanjawan tunai

Soalan 4 (25 markah)

Berikut adalah Imbangan Duga Perniagaan Senyum Selalu pada 31 Disember 2013

Perniagaan Senyum Selalu
Imbangan Duga pada 31 Disember 2013

	DEBIT (RM)	KREDIT(RM)
Bangunan	70 000	
Tunai	300	
Bank	9 650	
Penghutang	9 500	
Stok awal	5 050	
Angkutan keluar	250	
Insurans terdahulu	490	
Gaji	12 600	
Lori	30 000	
Susutnilai terkumpul – Lori		3 000
Pemiutang		7 680
Pinjaman		10 000
Ambilan	500	
Jualan		60 200
Belian	35 200	
Hutang lapuk	280	
Pulangan masuk	270	
Pulangan keluar		390
Komisen		2 200
Sewa	6 500	
Kadar bayaran	1 210	
Belanja am	1 670	
Modal awal		100 000
	183 470	183 470

Maklumat tambahan:

- i) Stok akhir pada 31 Disember 2013 bernilai RM9 800 pada harga pasaran tetapi dianggarkan RM8 520 mengikut harga kos.
- ii) Pulangan belian RM350 didapati telah tertinggal dari semua buku akaun.
- iii) Pulangan jualan RM250 didapati telah tertinggal dari semua buku akaun.

Dituntut:

- a) Menyediakan Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2013
- b) Penyata Kedudukan Kewangan pada tarikh berakhir 31 Disember 2013

- SOALAN TAMAT -